

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Sunday, December 13, 2015 10:19 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD
Subject: HEP ONLINE: SISWA UUM TURUN KAMPUNG MENZIARAHI ORANG TUA, OKU



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

13 DISEMBER 2015, AHAD | 1 RABIULAWAL 1437H



HEP ONLINE: Mahasiswa telah menunjukkan keprihatinan mereka dengan turun ke kampung-kampung sekitar Pekan Changlun untuk melihat dan merasai sendiri kehidupan masyarakat kampung yang berjirankan Universiti Pengurusan Terkemuka, UUM. Di antara aktiviti yang dijalankan ialah menziarahi warga tua, Orang Kelainan Upaya OKU dan keluarga miskin di kawasan yang sering berlaku bencana banjir.

Menurut Timbalan Naib Canselor (HEPA) UUM, Prof. Madya Dr. Abdul Malek bin Haji Abdul Karim, aktiviti ini juga sebagai persediaan melihat dan memantau golongan-golongan ini berada dalam

situasi yang selamat sekiranya bencana banjir berlaku. Selain daripada menziarahi dan berkomunikasi, mahasiswa UUM juga dapat berkongsi pengalaman hidup dan mengetahui sejarah silam Pekan Changlun.

Program yang dijalankan secara bersiri melibatkan sepuluh buah kampung yang selalu dinaiki air. Program ini mendapat kerjasama daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun (SMKC), Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok (SMKBB), Sekolah Kebangsaan Dato Wan Kemara (SKDWK) dan Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok (SKBBS) serta Persatuan Ibubapa dan Guru sekolah-sekolah tersebut. Program sukarelawan MASKUM UUM ini diketuai oleh Mej(K) Hj Shahrin Ahmad PSS TUDM yang juga merupakan Pegawai Psikologi Kanan, Pusat Kaunseling, UUM.

Sekian.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4011

Faks: 04 – 928 4016

Web: www.hep.uum.edu.my

Emel: hep@uum.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

